

31 JAN 1997

MBNK JALANKAN KAJIAN MASALAH SOSIAL REMAJA DI KEDAH

ALOR SETAR, 31 Jan (Bernama) -- Majlis Belia Negeri Kedah (MBNK) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menjalankan kajian gaya hidup remaja di Kedah yang bertujuan merangka beberapa strategi pemulihan dan melaksanakan program gaya hidup sihat.

Presiden MBNK Senator Datuk Zainol Abidin Johari berkata, kajian itu dapat memberikan gambaran jelas tentang gaya hidup remaja terutama di bandar utama seperti Alor Setar dan Sungai Petani.

"Fokus kajian adalah kepada masalah sosial dan keruntuhan akhlak, mengenal pasti profil remaja yang menghadapi masalah sedemikian dan seterusnya mengariskan cadangan dan strategi untuk mendorong remaja mengamalkan gaya hidup sihat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut beliau, apabila siap kelak, kajian itu akan dimajukan kepada kerajaan negeri serta Kementerian Belia dan Sukan untuk dijadikan panduan dalam perancangan program pembangunan belia.

Beliau juga mengesa kesemua 25 pertubuhan yang menjadi anggota MBNK agar segera melaksanakan program yang dirancang dalam usaha membenters gelaja sosial yang membimbangkan di kalangan belia Melayu.

Peringatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa orang Melayu banyak terlibat dengan masalah sosial dan jenayah menunjukkan isu itu harus ditangani bersungguh-sungguh bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga pertubuhan bukan kerajaan, katanya. -- BERNAMA

MZM PR